

16/01/1998

Barang tempatan lebih bernilai

Abdurrahman Haqqi

SELEPAS dilantik menjadi gabenor al-Madain, dekat Iran oleh Khalifah Umar pada tahun ke-14 Hijrah bersamaan hari ini, sahabat Nabi bernama Khuzaifah al-Yaman mempunyai trend baru - berkahwin dengan wanita Ahli Kitab, padahal ramai wanita Islam di daerah itu.

Memerhatikan perbuatan kurang sihat itu, Umar menulis surat kepada Khuzaifah. Beliau menulis: "Saya mendengar anda berkahwin dengan wanita al-Madain yang berasal dari agama Ahli Kitab. Saya tidak merestui perbuatan anda itu dan saya perintahkan anda untuk menceraikannya. Jangan biarkan dia tetap bersama anda!"

Khuzaifah berpendapat tidak ada larangan daripada nas al-Quran dan Sunnah berkenaan perbuatannya itu. Diapun membalas surat Umar. Tulisnya: "Mengapa tuan memerintahkan saya menceraikannya? Saya tidak akan melakukannya sebelum tuan memberitahu apakah perbuatan saya itu halal atau haram dan saya mahukan penjelasan apa maksud perintah tuan itu."

Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, adil, tahu apa yang dibuat dan agar bawahan tidak serba-salah dan bingung, Umar menulis surat menjelaskan kebijaksanaannya. Tulisnya: "Tidak ada salahnya perbuatan anda, sememangnya ia halal, tetapi wanita asing itu mempunyai kecantikan yang sangat memikat. Jika kalian memilih mereka, kalian tidak akan menyukai wanita seagama."

Dalam riwayat lain Umar menulis: "Aku risau banyak lelaki Muslim akan mengikuti langkah anda dan berkahwin dengan wanita Ahli Zimmah kerana kecantikan mereka. Jika ia berlaku, tersebarlah banyak fitnah dalam usmat."

Selepas membaca penjelasan atasannya itu, Khuzaifah mafhum dan kemudian memutuskan untuk menceraikan isteri yang berasal daripada Ahli Kitab itu (Rujuk at-Tabari, Tarikh at-Tabari, III/578).

Jumhur ulama (Baca al-Ghandur, al-Ahwal asy-Syakhstah, 131) berpendapat wanita Ahli Kitab sama ada Yahudi ataupun Kristian boleh dikahwini oleh Muslim. Ini berlandaskan ayat al-Quran yang bermaksud: "Pada hari ini dihalalkan bagi kamu (memakan makanan) yang lazat serta baik. Dan makanan (sembelihan) orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan (sembelihan) kamu adalah halal bagi mereka. Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan perempuan yang menjaga kehormatannya - di antara perempuan yang beriman dan juga perempuan yang menjaga kehormatannya daripada kalangan orang yang diberikan Kitab dulu daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kahwinnya, sedang kamu (dengan cara yang demikian) bernikah bukan berzina dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar (akan syariat Islam) sesudah ia beriman, sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah dia pada hari akhirat kelak daripada orang yang rugi." - (QS, al-Maidah: 5).

Umar sebagai wali al-Amr atau penguasa yang dalam fikah Islam mempunyai hal luas untuk menafsir nas al-Quran dan Sunnah berpendapat dalam ijtihadnya untuk melarang perbuatan yang dihalalkan al-Quran demi kemudahan atau kemaslahatan yang timbul. Ijtihad larangan Umar itu dalam ilmu Usul Fikah disebut taqyid an-nas atau memberi ikatan ke atas nas dalam kategori nas yang mengharuskan.

Dalam ijtihad Umar, andainya pengharusan nas al-Quran itu dibiarkan secara mutlak maka dikhuatiri pemuda Islam akan meninggalkan wanita Islam dan memilih wanita Yahudi atau Kristian kerana kecantikan dan keanggunan mereka. Dikhuatiri juga, penguasa negeri Islam yang berkahwin dengan

mereka akan dipengaruhi wanita bukan Islam yang dikahwininya itu dan mereka akan tunduk kepada kehendak mereka. Dikhuatiri juga mereka akan mempengaruhi keyakinan anak mereka (lihat al-Halawi, Fatawa Wa Aqdiyah Umar).

Amnya, ijtihad Umar untuk melarang lelaki Islam berkahwin dengan wanita Ahli Kitab selari dengan kaedah umum Islam yang diberikan al-Quran dalam sebuah ayatnya yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mengambil orang yang bukan daripada kalangan kamu menjadi `orang dalam' (yang diperdayai). Mereka sukakan apa yang menyusahkan kamu. Sudah nyata (tanda) kebencian mereka pada pertuturan mulutnya, dan apa yang disembunyikan hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya kami jelaskan kepada kamu keterangan itu jika kamu (mahu) memahaminya." - (QS. Ali Imran: 118).

Jika kita mengaitkan ijtmasalah ekonomi kita hari ini tidak ada jalan lebih selamat kecuali memilih barangan buatan tempatan. Kerana dengan berbuat demikian, kita tak akan khuatir pengaruh barangan luar yang sememangnya memikat seperti pengaruh wanita Ahli Kitab.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat dalam wawancara khasnya dengan TV3 menerusi slot Malaysia Hari ini Jumaat lalu untuk membeli barangan tempatan. `Tapi', kata beliau, `Yang kita kehendaki mereka berbelanja dengan cara menguntungkan negara iaitu membeli barangan tempatan. Barang yang datang dari negara seboleh-bolehnya 100 peratus daripada dalam negara." (BH, 10 Januari 1998).

Jadi, dalam konteks semasa, isi pertanyaan dan arahan ijtihad Umar akan menjadi `Mengapa anda memilih barangan bukan buatan Malaysia?'

(END)